

rabu 19/3/14

JPA arah kakitangan usah sebar maklumat tidak tepat

Kluang: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengeluarkan arahan meminta semua empat juta kakitangannya tidak menyebarkan sebarang maklumat tidak tepat atau spekulasi mengenai kehilangan pesawat MH370 terutama menerusi media sosial.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, berkata langkah itu bagi mengelak sebarang maklumat tidak tepat dan bersifat dakwaan tersebar sehingga mengelirukan masyarakat.

"JPA sudah mengeluarkan arahan kepada semua penjawat awam supaya tidak terbabit dalam penyebaran sebarang maklumat mahupun spekulasi mengenai pesawat MH370.

Elak sebarang pertikaian

"Ia bagi memastikan tidak ada sebarang pertikaian dan kekeliruan kerana penyebaran maklumat palsu boleh mengganggu siasatan pihak berkuasa.

"Biarlah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein atau pihak berkuasa berkaitan yang memaklumkan sebarang maklumat terbaru mengenainya.

"Saya ingin mengajak semua penjawat awam untuk terus berdiri rapat menjadi benteng yang mempertahankan negara. Jangan jadi api dalam sekam atau gunting dalam lipatan. Teruskan perjuangan kita dalam apa juga bidang yang diceburi," katanya ketika merasmikan Wacana Transformasi Kepimpinan Muda di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Selatan, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai pelbagai dakwaan serta spekulasi kehilangan pesawat MH370 yang kini tersebar secara meluas di media sosial menyebabkan masyarakat keliru.

